



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
SELASA 22 OKTOBER 2019**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5. 6. 7. 8. 9. 10. 11. 12. 13. 14. 15. 16. 17.	PERUNTUKAN UNTUK KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA), NASIONAL, MINGGUAN AMANAH -6 SALAHUDDIN FOKUS TINGKATKAN PENDAPATAN NELAYAN, PESAWAH, NASIONAL, MINGGUAN AMANAH -3 LAUT MILIK KITA, HASIL DIBOLOL RAKYAT ASING, MUKA DEPAN, SH -1 'SAYA TAK TUNGGU WAKTU TERTENTU', NASIONAL, SH -9 NELAYAN ASING PENUHI LAUT MALAYSIA, SINAR SIASAT, SH -10 NEGARA RUGI RM5 BILION SETAHUN, SINAR SIASAT, SH -11 NELAYAN PATI DORONG ANGKARA JENAYAH DI LAUT, SINAR SIASAT, SH -11 MALAYSIA KEHILANGAN RM5 BILION SETAHUN AKIBAT NELAYAN ASING, NEWS, UTUSAN BORNEO ONLINE -10 MINISTER: RM3M ALLOCATION FOR JETTIES NOT BY-ELECTION GOODIES, NATION/NEWS, NST -7 PERTANDINGAN MEMASAK DALAM TALIAN, LOKAL, HM -20 AGRICULTURE MINISTER CLAIMS NO DELIBERATION IN NON-ALLOCATIONS, NEWS, ORIENTAL DAILY NEWS -A10 TANJUNG PIAI FUNDING IS EXPECTED TO EXCEED MILLIONS, NATIONAL, NANYANG SIANG PAU -A22 TANJONG PIAI BY-ELECTION HEATED UP BEFORE CAMPAIGN, NEWS, ORIENTAL DAILY NEWS -A34 MALAYSIA LOSES RM5 BLN IN FISHERIES REVENUE ANNUALLY TO FOREIGN FISHERMEN, HOME, BORNEO POST (KK) -9 BAZAAR PEDULI RAKYAT RECORDS MORE THAN RM700,000 IN SALES, HOME, BORNEO POST (KK) -9 SEDIA RM3 JUTA BAIK PULIH JETI NELAYAN, NEWS, HM (JOHOR) -22 AGRICULTURE MINISTER: FARID PROMISES OF FUNDING, NATIONAL, NANYANG SIANG PAU -A22	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA)
18. 19. 20.	KEHADIRAN PAUS ORCA TAK ANCAM SUMBER PERIKANAN, LOKAL, HM -20 ORCA TAK ANCAM SUMBER PERIKANAN, HM -ONLINE TOBEK GODANG LOKASI SESUAI 'NGOCA IKAN', NEWS, HM (MELAKA NEGERI SEMBILAN) -22	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
21.	TUMPUKAN REFORMASI PELADANG, BUKAN MENCANANG KEBENCIAN, FORUM, MINGGUAN AMANAH -23	LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP)
22. 23.	BELANJAWAN 2020 BUKTI KEPRIHATINAN KERAJAAN KEPADA RAKYAT BAWAHAN, NASIONAL, MINGGUAN AMANAH -12 OSMAN SAPIAN DENIES BEING CANDIDATE IN TANJUNG PIAI BY-ELECTION, NATION, THE STAR -11	LAIN-LAIN

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/10/2019	MINGGUAN AMANAH	NASIONAL	6

## PERUNTUKAN UNTUK KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI MALAYSIA (MOA)

Peruntukan keseluruhan sebanyak **RM4.9 bilion**, naik **10.9%** bagi tahun 2020 berbanding **RM4.4 bilion** pada tahun 2019.



**RM152 juta** untuk nelayan. Ini termasuk Elaun Sara Hidup Nelayan (ESHN) yang telah dinaikkan daripada **RM200** kepada **RM250** sebulan.



**RM30 juta** untuk penghasilan beras padi pulut di Langkawi



**RM150 juta** diperuntukkan sebagai galakan program integrasi tanaman seperti cili, nanas, kelapa, tembikai dan buluh



**RM855 juta** untuk sektor padi. Peningkatan dari **RM796 juta** yang diperuntukkan pada 2019 di bawah Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan (SBPKP) dan Skim Insentif Pengeluaran Padi (SIPP). Subsidi Padi Bukit/Huma juga akan diteruskan.



**RM43 juta** untuk Industri Pertanian 4.0 bagi membangunkan baka yang berkualiti dan berproduktiviti tinggi



## Salahuddin fokus tingkatakan pendapatan nelayan, pesawah

**MENTERI** Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Salahuddin Ayub, berkata peruntukan hampir setengah bilion ringgit yang diterima Kementerian itu untuk tahun depan akan digunakan sebaik-baiknya bagi meningkatkan taraf kehidupan petani, penanam dan nelayan.

Beliau berkata, peningkatan peruntukan sebanyak 10.9 peratus iaitu RM4.9 bilion berbanding tahun lalu itu akan dimanfaatkan kepada pesawah dan nelayan pantai yang tergolong dalam kumpulan golongan isi rumah berpendapatan rendah (B40).

"RM152 juta diperuntukkan bagi tahun 2020 untuk meningkatkan pendapatan nelayan termasuk elaan sara hidup.

"Ini satu berita gembira. Elaun Sara Hidup Nelayan (ESHN) ini dinaikkan daripada RM200 kepada RM250. Ini merupakan janji yang telah saya buat dalam Parlimen tahun lepas yang sangat mengusulkan saya.

"Alhamdulillah, setiap lagi kita akan dapat memenuhi RM300 ya-



**Salahuddin Ayub**

ng menjadi harapan saya. Tetapi kali ini kita dapat RM250 dan pelbagai insentif lain termasuk Program Rezeki Tani, Rezeki Nelayan.

"Kita juga bantu isteri-isteri nelayan serta anak-anak mereka dalam pelbagai bidang termasuklah kita menyediakan tanaman konitan yang boleh mereka menambahkan pendapatan," ujar-nya kepada pemberita selepas pembentangan Belanjawan 2020 oleh Menteri Kewangan, Lim Guan Eng.

Berhubung sektor penanaman

padi, Salahuddin berkata, sektor fokus kemeriaannya itu mendapat peruntukan sebanyak RM850 juta bagi Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan (SBPKP) atau pun padi huma.

"Kementerian akan memastikan tidak berlaku ketirisan. Mereka memperoleh baja yang berkualiti dan agihan yang sempurna dan ini akan meningkatkan pendapatan mereka.

"Ini dua sektor yang bagi saya perlu berkerja lebih kuat tetapi berdasarkan peruntukan ini ia

mencukupi untuk kita melangkah ke hadapan," jelasnya.

Ditanya tentang agihan peruntukan sebanyak RM43 juta untuk Industri Pertanian 4.0, beliau berkata, dana tersebut sebagai pemangkin untuk Kementerian Bergerak ke hadapan dan memacu RMK-12.

"Ini pastinya kita mahu mengang-

kat pendekatan (pertanian) kita daripada tradisional kepada 'smart farming'.

"Kita juga akan menumpukan pengeluaran benih yang lebih bermutu, R&D yang akan dipermudahkan dan kesediaan kita ke arah Malaysia mengamalkan sepenuhnya pertanian pintar," katanya lagi.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/10/2019	SINAR HARIAN	MUKA DEPAN	1

FOTO: ASHIL ASWANDI

Wartawan *Sinar Siasat* yang menyertai operasi Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) selama lima hari di Selat Melaka baru-baru ini mendapati nelayan asing menggunakan pelbagai taktik untuk merompak berbilion ringgit hasil laut negara setiap tahun. Antaranya dengan menceroboh perairan Malaysia, memajak lesen bot tempatan atau bekerja sebagai nelayan secara haram

# LAUT MILIK KITA, HASIL DIBOLOT RAKYAT ASING

“Anggaran ketirisan atau nilai yang hilang akibat pencerobohan nelayan asing lebih kurang RM5 bilion setahun. Kita mesti tingkatkan aset dan penguatkuasaan.”



- Kata Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Salahuddin Ayub di Parlimen semalam.



Anggota APMM menahan sebuah bot tempatan yang menggunakan nelayan asing untuk menangkap ikan di perairan Selat Melaka baru-baru ini.



MUKA 10, 11 & 12

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/10/2019	SINAR HARIAN	NASIONAL	9

# 'Saya tak tunggu waktu tertentu'

*PH tidak perlu bersikap apologetik umum peruntukan menjelang pilihan raya*

KHAIRIL ANWAR MOHD AMIN

KUALA LUMPUR

**K**erajaan Pakatan Harapan (PH) tidak perlu bersikap apologetik dan alergik dalam mengumumkan sebarang peruntukan kepada rakyat termasuk menjelang musim pilihan raya.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Salahuddin Ayub berkata, tindakan beliau mengumumkan sebanyak RM3 juta bagi projek naik taraf tiga jeti nelayan di Parlimen Tanjung Piai kelmarin adalah tidak salah walaupun ditentang ahli Parlimen pembangkang.

Menurutnya, sebagai menteri, beliau berhak membuat sebarang pengumuman berdasarkan peruntukan yang diberikan kerajaan kepada kementeriannya asalkan ia dapat membantu rakyat.

"Mungkin Datuk Seri Najib Tun Razak baru belajar jadi pembangkang, mungkin dia rasa bersemangat memperjuangkan isu rakyat tetapi apa yang kami lakukan bukan sahaja pada musim pilihan raya tetapi kami bekerja terus membantu rakyat.

"Kalau nelayan jatuh sebab jeti runtuh macam mana? Peruntukan sudah sampai,

maka saya kena umumkan. Takkanlah hendak tunggu. Saya tidak alergik atau bersifat apologetik hendak umumkan peruntukan bila berlakunya pilihan raya," katanya kepada pemberita di lobi Parlimen semalam.

Salahuddin berkata, banyak pihak tidak menyedari peruntukan yang disalurkan kepada pihak nelayan adalah atas permintaan bekas penyandang Ahli Parlimen Tanjung Piai, Allahyarham Datuk Dr Md Farid Md Rafik yang sudah dijanjikan kepada rakyat sebelum ini.

Menurutnya, beliau sentiasa berbingcang dengan Allahyarham Dr Md Farid mengenai masalah yang dihadapi rakyat di kawasan berkenaan.

"Saya dilahirkan di Tanjung Piai. Ia adalah kampung saya. Setiap minggu selepas balik dari Pulau, saya akan tidur di rumah saya. Setiap pagi kadangkala rakyat jumpa saya untuk menyatakan isu dan masalah mereka.

"Saya cuba penuhi antaranya melibatkan jeti nelayan uzur dan masih tidak dibangunkan. Saya akan lakukan sepanjang masa (umumkan peruntukan). Saya tidak tunggu waktu tertentu," katanya.

Terdahulu, Najib mendakwa kerajaan Pusat setakat ini telah mengumumkan projek bernilai RM7.3 juta dalam masa kurang seminggu menjelang PRK Tanjung Piai bulan depan.

Najib turut menyenaraikan tiga peng-



SALAHUDDIN

umuman projek oleh pemimpin PH sejak 15 Oktober lalu yang dilihat akan memberi manfaat kepada penduduk Tanjung Piai termasuk pemasangan sebanyak 264 lampu jalan di jajaran jalan raya luar bandar Tanjung Piai dengan kos sebanyak RM127,776 dan geran bernilai RM230,000 untuk ketua kampung seperti yang diumumkan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Seri Rina Harun.

Sebelum ini, Menteri Belia dan Sukan, Syed Saddiq Syed Abdul Rahman turut mengumumkan peruntukan sebanyak RM4 juta untuk menaik taraf kemudahan sukan dan rekreasi di Tanjung Piai serta peruntukan berjumlah RM3 juta untuk menaik taraf tiga jeti nelayan di kawasan berkenaan.



# Nelayan asing penuh laut Malaysia

**M**alaysia kini berdepan dengan pencerobohan dan kecurian hasil laut negara yang semakin serius oleh nelayan asing. Nelayan asing dari Indonesia, Myanmar dan Vietnam merompak hasil laut negara sama ada dengan menceroboh masuk ke perairan Malaysia atau lebih licik menggunakan lesen bot tempatan.

Di bahu Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) terpicul tugas berat untuk memagar pintu maritim Malaysia daripada dibolosi nelayan asing. Malah lebih mencabar mereka juga perlu mematahkan pelbagai jenayah rentas sempadan lain antaranya memasukkan pendatang asing tanpa izin dan penyeludupan rokok, dadah serta minuman keras.

Wartawan *Sinar Siasat* berpeluang mengikuti pelayaran selama lima hari bersama kapal operasi APMM Selangor, *KM Bagan Datuk* baru-baru ini untuk mendedahkan tentang tugas berat pihak berkuasa mengawal samudera negara.



Penguat kuasa APMM Selangor menggeledah dan memeriksa sebuah bot nelayan tempatan di Selat Melaka setelah mengesan pekerja di atas bot merupakan warga asing.

## PELABUHAN KLANG

**K**egiatan nelayan asing yang menceroboh masuk perairan negara untuk menangkap ikan menyebabkan Malaysia kerugian berbilion-bilion ringgit setiap setahun.

Nelayan asing terutamanya dari Indonesia, Myanmar dan Vietnam merompak hasil laut negara sama ada dengan menceroboh masuk ke perairan Malaysia atau bagi mengaburi mata pihak berkuasa, mereka menggunakan lesen bot tempatan.

Malah, kegiatan mereka bertambah aktif apabila ada nelayan Malaysia yang tidak mahu turun ke laut menggaji pula nelayan asing itu untuk menangkap ikan.

Tinjauan wartawan *Sinar Siasat* baru-baru ini yang turut sama melayari Selat Melaka selama lima hari bersama Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) mendapati kegiatan pemilik lesen bot tempatan tetapi menggunakan tekong dan awak-awak warga asing adalah antara kes yang paling banyak ditemui.

Dalam operasi selama lima

Wartawan *Sinar Siasat* menyaksikan sendiri bot nelayan Indonesia memcut talu lari daripada kapal operasi *KM Bagan Datuk* dalam Ops Ehsan di Selat Melaka baru-baru ini.



hari menggunakan kapal *KM Bagan Datuk* itu, anggota APMM telah memeriksa 14 bot nelayan dengan tiga daripada bot tempatan itu telah ditahan kerana nelayannya ialah warga asing.

Selain itu, penguat kuasa APMM turut mengesan sebuah bot nelayan asing yang menceroboh perairan negara.

Pada hari pertama operasi, Pegawai Memerintah Leftenan Komander Abdul Hakim Mohd Idris telah mengesan dan mengusir sebuah bot nelayan dipercayai

warga Indonesia yang licik.

Bot itu dikesan pada kedudukan kira-kira 23 batu nautika dari Pulau Ketam.

Sejurus menyedari kehadiran kapal *KM Bagan Datuk*, tekong terus memcut bot hingga berjaya bolos ke perairan Indonesia bagi mengelak ditahan.

Sementara itu, pada hari kedua operasi, kapal *KM Bagan Datuk* mengesan sebuah bot nelayan tempatan yang sedang menangkap ikan menggunakan pukat tunda lebih kurang 11.8 batu nautika dari Tanjung Sauh, Selangor sekitar jam 5 petang.

Hasil pemeriksaan dan pengeledahan ke atas bot tersebut mendapati seorang tekong bersama tiga awak-awak tidak memiliki dokumen pengenalan diri yang sah dan dipercayai warga Myanmar.

Selang sejam, sekali lagi *KM Bagan Datuk* mengesan sebuah

bot nelayan tempatan yang sedang menangkap ikan menggunakan pukat tunda di lokasi sama.

Seperti bot pertama pemeriksaan juga mendapati seorang tekong bersama tiga awak-awak dipercayai warga Myanmar.

Esoknya, kapal operasi berkenaan berjaya mengesan sebuah lagi bot nelayan tempatan, kira-kira 6.1 batu nautika dari Tanjung Rhu, Selangor.

Pengeledahan ke atas bot tersebut mendapati seorang tekong bersama seorang awak-awak berusia 38 tahun dan 20 tahun memiliki pasport Indonesia dan mereka menggunakan pukat hanyut.

Dalam pada itu, berdasarkan statistik APMM, sepanjang tahun

2015 sehingga 2019, pihaknya telah menahan 634 buah bot nelayan tempatan yang melakukan pelbagai kesalahan termasuk menyalahgunakan lesen perikanan kepada nelayan asing.

Selain itu, statistik juga mendapati kes bot nelayan asing yang menceroboh ke perairan negara saban tahun meningkat.

Pada tahun 2015, APMM menahan 107 bot diikuti 108 (2016), 148 (2017), 110 (2018) dan 151 tahun 2019 dengan jumlah keseluruhan 624 kes.

## STATISTIK BOT NELAYAN TEMPATAN YANG DITAHAN

2015 - 158
2016 - 106
2017 - 130
2018 - 156
2019 - 82

Jumlah: 634 kes

## BOT NELAYAN ASING CEROBOK PERAIRAN NEGARA

2015 - 107
2016 - 108
2017 - 148
2018 - 110
2019 - 151

Jumlah: 624 kes

## BOT NELAYAN TEMPATAN DITAHAN GAJI WARGA ASING (APMM SELANGOR)

2016 - 11
2017 - 8
2018 - 14
2019 - 19

Jumlah: 52 kes



Pegawai dan anggota *KM Bagan Datuk* yang mengawal perairan negara.



## NELAYAN ASING ROMPAK HASIL LAUT MALAYSIA

# Negara rugi RM5 bilion setahun

**Nelayan asing bolot hasil perikanan negara hampir RM5 bilion setahun**

KUALA LUMPUR

**K**erajaan bercadang meningkatkan aset penguatkuasaan laut negara dalam usaha mengawal pencerobohan bot nelayan asing yang menyebabkan Malaysia kehilangan hasil sehingga RM5 bilion setahun.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Salahuddin Ayub berkata, kementerian akan mengemukakan perkara itu kepada Kabinet termasuk cadangan untuk memiliki kapal induk bagi memudahkan lagi operasi penguatkuasaan di laut.

"Anggaran ketirisan atau nilai yang hilang akibat pencerobohan nelayan asing lebih kurang RM5 bilion setahun. Kita mesti tingkatkan aset dan penguatkuasaan.

"Sebelum ini pihak berkuasa telah mengambil tindakan tegas dengan melakukan Operasi Naga dan kita akan teruskan lagi dengan komitmen tiga kementerian iaitu Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Pertahanan.

"Kita mesti bertanggungjawab supaya aset dan penguatkuasaan ini ditingkatkan selain nelayan tempatan turut menjadi mata dan telinga kerajaan supaya dapat membanteras nelayan asing daripada memasuki perairan negara ini," katanya pada sesi jawab lisan persidangan Dewan Rakyat semalam.

Beliau berkata demikian bagi menjawab soalan tambahan Ahmad Amzad Mohamed (Pas-Kuala Terengganu) yang bertanya tentang jumlah kerugian negara akibat pencerobohan nelayan asing dan langkah meningkatkan keberkesanan Op Naga.

Terdahulu Ahmad Amzad turut bertanya sama ada kementerian akan memulakan paus orca (paus pembunuh) di perairan Kerteh, Terengganu berhampiran dengan Pelantar Dulang Petronas baru-



Salahuddin bercakap kepada pemberita di Parlimen semalam.

baru ini mengganggu sumber perikanan negara.

Menjelaskan perkara itu Salahuddin berkata, kajian yang dilakukan oleh Institut Penyelidikan Perikanan Rantau Abang, Terengganu mendapati paus yang muncul di perairan itu pada 16 Julai lepas tidak mengancam sumber perikanan negara dan nelayan tempatan kerana migrasi populasi spesies itu tidak kerap.

"Spesies itu merupakan daripada jenis sub spesies paus pilot sirip pendek dan ia sentiasa bergerak dalam kumpulan populasi antara 10 hingga 50 ekor. Ia dipercayai menjadikan Laut China Selatan sebagai laluan migrasi ekor an muslim sotong pada waktu itu," katanya.

Paus orca, katanya, disenarai dalam spesies mamalia akuatik terancam dan dilindungi di

**Kuantiti pengisytiharan pendaratan ikan dan tahun 2014 sehingga September 2019**

Tahun	/ Ribu Tan Metrik
2014	1,403.3
2015	1,103.5
2016	656.5
2017	851.2
2018	914.6
2019	588.5

(Sehingga September 2019)

(Sumber: Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKJM))

bawah penguatkuasaan Seksyen 27 Akta Perikanan Negara 1985. - Bernama



Penguat kuasa APMM Selangor mengoleleh kotak simpanan ikan dalam sebuah bot di tahanan.

## Nelayan PATI dorong angkara jenayah di laut

**PELABUHAN KLANG** - Agensi Penguatkuasaan Maritim (APMM) Selangor akan terus memperbanyakkan rondaan di kawasan jagaannya dalam usaha membanteras kegiatan nelayan tempatan yang menyalahgunakan lesen untuk menggaji nelayan warga asing.

Pengarah APMM Selangor, Kepten Maritim Mohammad Rosli Kassim berkata, masih banyak kehadiran bot milik nelayan tempatan kategori bot kelas B1, B dan A dikesan menggaji tekong dan awak-awak warga asing untuk menangkap ikan di perairan Selangor termasuk kategori kelas C dan ke atas.

"Kerajaan sudah memberi peluang kepada bot nelayan kelas C dan ke atas untuk menggunakan nelayan asing tetapi dengan kebenaran Ketua Pengarah Perikanan Malaysia sementara bagi bot nelayan kategori kelas B1, B dan A pula tidak dibenarkan menggunakan nelayan warga asing langsung kerana nelayan tempatan mesti mengusahakan bot itu sendiri.

"Kita akui banyak nelayan tempatan masih menggunakan kru warga asing sedangkan perkara ini sudah dibincangkan oleh persatuan nelayan sendiri yang meminta kepada pihak berwajib supaya bot nelayan kategori kelas B1, B dan A dibolehkan menggunakan khidmat pekerja asing atas alasan tiada pekerja warga tempatan mahu bekerja sebagai nelayan."

"Tetapi selagi tidak ada

hitam putih berhubung perkara itu, APMM akan terus membuat penguatkuasaan dengan lebih ketat. Jika perkara di atas bot itu dibiarkan, seolah-olah menunjukkan penguatkuasaan kita lemah.

"Lebih buruk orang tempatan itu menggunakan nelayan warga asing yang tidak memiliki dokumen pengenalan diri atau lebih tepat pendatang asing tanpa izin (PATI)," katanya.

Tambah Mohammad Rosli, pihaknya bimbang perbuatan menggaji nelayan asing PATI turut membuka kepada jenayah rentas sempadan, lain terutamanya penyeludupan.

"Aktiviti ini memang APMM perlu banteras kerana dikuatirai nelayan PATI melakukan jenayah rentas sempadan.

"Jika tidak dibendung, mereka mungkin boleh ambil peluang membawa masuk PATI lain dari laut hingga ke darat.

"Atau mereka juga mungkin digunakan sindiket untuk menyeludup dadah, rokok dan alkohol," tegasnya.

Bukan sahaja di perairan Selangor tetapi sememangnya isu bot nelayan tempatan menggunakan PATI itu antara permasalahan belum selesai secara tuntas di perairan negara.

"Mereka (pemilik bot tempatan) beri alasan terpaksa menggunakan khidmat nelayan warga asing sebab rakyat tempatan tidak berminat bekerja di laut menangkap ikan.

"Tetapi ini bukan alasan dan APMM tidak akan berkompromi hanya kerana alasan tersebut, apatah lagi jika bot nelayan tempatan itu menggunakan PATI," katanya.



MOHAMMAD ROSLI

Headline	Malaysia kehilangan RM5 bilion setahun akibat nelayan asing		
MediaTitle	Utusan Borneo Online (http://www.utusanborneo.com.my/)		
Date	22 Oct 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	4
Order Rank	10	Readership	1
Language	English	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	RM 600
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,800

## Malaysia kehilangan RM5 bilion setahun akibat nelayan asing

KUALA LUMPUR: Kerajaan bercadang meningkatkan aset penguatkuasaan laut negara dalam usaha untuk mengawal pencerobohan bot nelayan asing yang menyebabkan Malaysia kehilangan hasil RM5 bilion setahun, kata Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani Datuk Sala...

To read the rest of the article, click [View Full Article](#)



# Minister: RM3m allocation for jetties not by-election goodies

**KUALA LUMPUR:** Agriculture and Agro-based Industry Minister Datuk Salahuddin Ayub has denied accusations that the RM3 million allocation for three jetties in Tanjung Piai amounted to election goodies.

This is the same narrative as Youth and Sports Minister Syed Saddiq Syed Abdul Rahman on the RM4 million allocation to upgrade six futsal courts and one football field in Tanjung Piai.

On Saturday, Syed Saddiq said the allocation from his ministry was part of the RM14.6 million requested by the previous Tanjung Piai member of parliament (MP), the late Datuk Dr Md Farid Md Rafik.

Salahuddin said he was born in Tanjung Piai and since it was his hometown, he visited it every week.

"Some mornings, people will meet me and tell me their problems, such as the old jetty.

"The late Dr Farid had promised the people and had discussed with me about the issues faced by the people there. This is part of our job as MP, minister or deputy minister, so we need to continue with our efforts despite the by-election."

The Pulau MP defended his action in announcing the allocation to fishermen

for the jetties in Tanjung Piai, as it was his duty as the minister to inform the public.

Salahuddin was asked why the announcement was made as the allocation and repair works would only be given and start next year.

"What happens if a fisherman gets injured when the jetty collapses?"

"The allocation has been made, so I have to announce it.

"Besides, I believe ministers and the government should not be allergic to announcing allocations for a constituency, especially if it is urgent just because there is an election.

"As minister, I must perform my duty to inform the public of the allocations and revenue made, as well as poli-

cies." On Sunday, Salahuddin was reported to have provided a RM3 million allocation to three fishing jetties in the Tanjung Piai parliamentary constituency in Pontian.

This was to boost the economy and improve the livelihoods of fishermen and locals.

The allocation will include basic facilities, such as refrigerated storage and stalls for small- and medium-sized enterprises.



Datuk Salahuddin Ayub



SIM (tengah) bersama Pengarah SW Food, Datuk Jalimie Mohd Salleh (kanan) dan Pengurus Kanan Kumpulan SW Food, Chua Keng Jim ketika pelancaran Pertandingan Memasak Dalam Talian Keluarga Kreatif Jati 2.

## Pertandingan memasak dalam talian

**Kuala Lumpur:** Sempena ulang tahun ke-25 beras cap jati, SW Food Group, pengeluar dan pemborong beras terbesar di Malaysia jutong kalinya melancarkan Pertandingan Memasak Dalam Talian Keluarga Kreatif Jati 2.

Ratusan peserta seluruh negara dijangka memuat naik video memasak yang akan disiarkan secara terbuka pada pertandingan memasak dalam talian pertama itu untuk bersaing bagi gelaran Jurumasak Dalam Talian Terbaik di Malaysia.

Selepas pertandingan itu dilancarkan 23 September lalu oleh Timbalan Menteri Pertanian

dan Industri Asas Tani, Sim Tze Tzin, ia mendapat sambutan hangat peserta seluruh negara.

SW Food Group berkata, kali pertama pertandingan Keluarga Kreatif Jati diperkenalkan pada sesi 2003-2004 sebagai acara memasak dapur bergerak.

"Kini kami perkennakannya kembali, tetapi dalam pertandingan memasak dalam talian. Ini kali pertama pertandingan memasak menggunakan teknologi digital di Malaysia.

"Syarikat memanfaatkan teknologi tersedia ini untuk meluaskan pasaran peserta dan penonton kami," katanya.

Justeru, katanya, selari dengan kata 'keluarga yang memasak bersama-sama tetap bersama' seluruh keluarga di Malaysia dicabar mengambil bahagian dalam pertandingan memasak dalam talian.

Menurutnya, peserta diminta berkongsi resipi kegemaran dan menunjukkan persembahan masakan selain turut mencabar satu sama lain dalam usaha menjadi juru masak dalam talian terbaik di Malaysia.

Mereka yang berminat menyertai Pertandingan Memasak Dalam Talian Keluarga Kreatif Jati 2 hendaklah memuat turun dan mengisi borang permohonan daripada laman

Facebook (FB) rasmi Jati. Borang permohonan itu perlu diserahkan kembali dengan satu video berdurasi tidak melebihi 15 minit mengenai persembahan memasak mereka termasuk resipi sebelum 31 Oktober ini.

Pemenang Pertandingan Memasak Dalam Talian Keluarga Kreatif Jati 2 bakal memenangi wang tunai RM5,000 beserta bekalan beras jati selama setahun.

Maklumat lanjut mengenai Pertandingan Memasak Dalam Talian Keluarga Kreatif Jati 2 juga boleh hubungi Andrew Chan di talian 012-4832426 atau melalui e-mel rasmi regis-terforckj2@gmail.com

Headline	Agriculture Minister claims no deliberation in non-allocations		
MediaTitle	Oriental Daily News		
Date	22 Oct 2019	Color	Black/white
Section	News	Circulation	85,616
Page No	A10	Readership	256,848
Language	Chinese	ArticleSize	220 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,572
Frequency	Daily	PR Value	RM 7,717



## 农长指无需刻意不拨款

吉隆坡21日讯 | 随著农业及农基工业部在丹绒比艾国会议席补选前宣布拨款300万令吉维修渔船码头引发批评后，农业部长拿督斯里沙拉胡丁阿育宣称，他无需对丹绒比艾补选感到「敏感」，而选择刻意避开不宣布拨款。

他今日在国会走廊受询时强调，宣布拨款是部长的权限，而在顾及人民的利益下，他身为部长在获得拨款后，就需要做出宣布。

「农业部在此时宣布拨款不是为了补选，而是要协助人民，这是紧急的事情，如果渔民从码头跌下，那要怎么办？」

不过，他说，这是首相署批准的特别拨款，而有关拨款要在明年才会到手。

### 何时宣布是部长权限

他指出，首相署此次批准的拨款共1470万令吉，这是由于丹绒比艾原任国会议员拿督莫哈末法力不幸逝世，而政府有责任协助他兑现在生前对选民所许下的承诺，因此才会有这笔特别拨款。

询及拨款明年才会到手为何不要在明年才宣布时，沙拉胡丁

阿育则说，「我可以明天宣布，我也可以在昨天宣布，要在何时宣布这是部长的权限。」

他强调，现在不是宣布在丹绒比艾宣布建造酒店或渡假村，那就很明显有「买票」的嫌疑，而维修3座残旧的码头是紧急的事情，必须尽早让人民知道。

沙拉胡丁阿育在日前宣布将拨款300万令吉提升丹绒比艾的渔船码头，同时也表明将进一步更新相关宣布。

但沙拉胡丁阿育此举却引来前首相拿督斯里纳吉的抨击，并列出3则新闻报道，间接揶揄希盟部长在丹绒比艾补选来临之际，在该选区大派糖果却又否认的言论。

Headline	Tanjung Piai funding is expected to exceed millions		
MediaTitle	Nanyang Siang Pau		
Date	22 Oct 2019	Color	Black/white
Section	National	Circulation	27,667
Page No	A22	Readership	83,000
Language	Chinese	ArticleSize	161 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,220
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,659



## “丹絨比艾拨款料过千万”

魏家祥指希盟部长前后到丹絨比艾国会选区提供拨款，提名日前就已承诺 736 万令吉拨款，并形容这是非常罕见的事。

他说，这些部长过去都不曾到过笨珍与丹絨比艾，却在近日前仆后继到当地而且出手非常阔气，不断承诺做出拨款，当中包括青体部长赛沙迪承诺拨给 400 万令吉、农业部长也拨了 300 万令吉，令当地在短时间内就获得了 736 万令吉的拨款。

“我们还有很多正副部长，还有很有钱的财政部长都还没去那里拨款，我肯定累积

拨款将超过千万令吉，还陆续有来。

“回想起这些人在过去上街要求的课题，他们当初参与净选盟所提出的要求是什么，如今都成为过去式了。如今所做所为，都与过去背道而驰。”

他也指希盟部长向该区学校的教师承诺，会拨给每所学校 1 万令吉，充作旅游经费。

“这是什么意思？这笔钱不是来自教育部，却是不相关的部门，这样的现象不断发生，当初国阵给拨款时你说是买票，如今我很想问：为什么会变成这样？”

Headline	Tanjong Piai by-election heated up before campaign		
MediaTitle	Oriental Daily News		
Date	22 Oct 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	85,616
Page No	A34	Readership	256,848
Language	Chinese	ArticleSize	194 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,402
Frequency	Daily	PR Value	RM 10,207



新山真够力

陈筱燕

## 丹絨比艾未打先热!

丹絨比艾国席补选还没正式开始竞选，部长级人马纷纷到访，让这个国会选区忙碌了起来。

像是过去的周末，多名正副部长都硬跟丹絨比艾地区扯上关系，如农长拿督斯里沙拉胡丁就是土生土长的丹絨比艾人；副农长沈志勤则说自己是位于士姑来的马来西亚工艺大学毕业生；教育部长马智礼则说自己是笨珍人，爷爷仍住在笨珍。

正副部长的谈话都赞扬已故丹絨比艾国会议员拿督莫哈末法力对当地人民尽心尽力地贡献，包括内政部长丹斯里慕尤丁、乡区发展部长拿督斯里丽娜、房屋及地方政府部长祖莱达及青体部长赛沙迪，都跟人民分享他们所认识的莫哈末法力为人。

丹絨比艾国席补选提名日是11月2日，希盟部长在补选提名前如此勤于走访该选区和拨款，经被批评动用政府资源，与国阵政府有何分别？

在过去两周的活动中，人民参与度并不高，如赛沙迪出席的社区青年活动，青年出席人数并不理想。不过由农业部举办的关怀人民市集，却迎来大批民众购买平价蔬果。

部长们勤劳走访丹絨比艾国会选区，希盟能否成功保住这个国席，还言之过早。但从人民抢购平价蔬果，似乎可以看出一些端倪，部长们是否可以从中获得「灵感」，了解选民的需要？

Headline	Malaysia loses RMS bln in fisheries revenue annually to foreign fishermen		
MediaTitle	Borneo Post (KK)		
Date	22 Oct 2019	Color	Black/white
Section	Home	Circulation	18,290
Page No	9	Readership	54,870
Language	English	ArticleSize	65 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 181
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 544



## Malaysia loses RM5 bln in fisheries revenue annually to foreign fishermen

**KUALA LUMPUR:** The government plans to strengthen the nation's maritime enforcement assets in an effort to curb encroachment by foreign fishing boats which resulted in Malaysia losing up to RM5 billion in fisheries revenue every year, the Dewan Rakyat was told.

Agriculture and Agro-based Industry Minister Datuk Salahuddin Ayub said the ministry would submit the

proposal to the Cabinet, which includes a suggestion to purchase a mother ship to facilitate enforcement operation at sea.

Prior to this, the government has taken firm action by carrying out an operation dubbed 'Ops Naga' and will continue doing so with the commitment from three ministries, namely my ministry, the Home Affairs Ministry and the Defence Ministry. – Bernama

Headline	Bazaar Peduli Rakyat records more than RM700,000 in sales		
MediaTitle	Borneo Post (KK)		
Date	22 Oct 2019	Color	Black/white
Section	Home	Circulation	18,290
Page No	9	Readership	54,870
Language	English	ArticleSize	67 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 187
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 560



## Bazaar Peduli Rakyat records more than RM700,000 in sales

**KUALA LUMPUR:** A total of 17 Bazaar Peduli Rakyat (BPR) have been held at nine locations since February this year and recorded more than RM700,000 in sales, said Agriculture and Agro-based Industry Minister Datuk Salahuddin Ayub.

He said his ministry was studying the BPR's success and planned to organise it on a regular basis, or at least once a month.

"I can't promise ... but based on the facts, numbers of entrepreneurs involved and the value of the sales, we will try to schedule the bazaar at every location or area that we can, at

least once a month," he said this in his reply to a question from Datuk Dr Abd Latiff Ahmad (PH-Mersing) on the mechanism of organising the BPR during the oral question-and-answer session at the Dewan Rakyat yesterday.

The BPR programme is a collaborative effort between agencies under the Ministry of Agriculture and Agro-based Industry, aimed at reducing the cost of living by offering goods priced between five and 30 per cent lower than usual market prices.

- Bernama

Headline	Sedia RM3 juta baik pulih jeti nelayan		
MediaTitle	Harian Metro (Johor)		
Date	22 Oct 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	22,187
Page No	22	Readership	66,561
Language	Malay	ArticleSize	189 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,570
Frequency	Daily	PR Value	RM 16,709



## Sedia RM3 juta baik pulih jeti nelayan

**Pontian:** Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani akan menyalurkan peruntukan RM3 juta bagi membaik pulih jeti nelayan di kawasan Parlimen Tanjung Piai di sini, bagi memastikan keselamatan semua nelayan terjamin.

Menterinya, Datuk Salahuddin Ayub membuat pengumuman itu pada Program *Walkabout* di Jeti Pangkalan Nelayan Parit Penghulu Mukim Serkat di sini, semalam.

Salahuddin menyampaikan replika cek peruntukan itu kepada Ketua Pengarah Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Jamaluddin Othman.

Hadir sama, Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salim Parlan, Pengerusi



SALAHUDDIN (dua dari kiri) menyerahkan replika cek projek baik pulih jeti nelayan kepada Jamaludin (kanan).

Persatuan Nelayan Kebangsaan (Nekmat), Abdul Hamid Bahari dan Jurutera Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Pontian, Redzuan Ja'amat.

Salahuddin berkata, peruntukan berkenaan diberikan bagi pembinaan semula

jetty nelayan dan kemudahan infrastruktur tiga jetty nelayan di Jeram Batu, Pekan Nanas, Sungai Boh, Mukim Air Masin dan Pengkalan Parit Penghulu, Mukim Serkat.

"Projek pembinaan ketiga-tiga jetty itu bermula awal

2020 dengan setiap jetty diperuntukkan RM1 juta.

"Selain itu, kami menyalurkan RM200,000 kepada Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) untuk kerja naik taraf Jetty Nelayan Kampung Melayu, Kukup," katanya.

Menurutnya, semua jumlah kos baik pulih jetty nelayan itu adalah sebahagian daripada 17 projek pembangunan bernilai RM14.75 juta yang dirancang bekas Ahli Parlimen Tanjung Piai, Allahyarham Datuk Dr Farid Md Raffik.


Salahuddin berkata, projek berkenaan bagi memastikan kebajikan nelayan terjamin dan tidak terpinggir dari arus pemodenan termasuk insentif laluan seperti Elaun Sara Hidup Nelayan (ESHN) dan projek perumahan.



Headline	Agriculture Minister: Farid promises of funding		
MediaTitle	Nanyang Siang Pau		
Date	22 Oct 2019	Color	Full Color
Section	National	Circulation	27,667
Page No	A22	Readership	83,000
Language	Chinese	ArticleSize	431 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,421
Frequency	Daily	PR Value	RM 16,264



## 驳纳吉“派糖果”论 农长：法力早承诺拨款



(吉隆坡 21 日讯) 随着前首相拿督斯里纳吉指控拨款 300 万令吉改善丹絨比艾渔民码头设施的举动乃一项选举“糖果”，农业与农基工业部长拿督沙拉胡丁澄清，此拨款乃已故原任议员拿督法力医生所许下的承诺，而自己仅是代前者作出宣布。

### 代替法力履行责任

“我们是在他逝世后作出宣布，这是我们的责任。”

他今日在国会走廊受访时也证实，这是法力当时向政府所提出的拨款，以充

提升当地 3 个渔船码头用途。

“我是在丹絨比艾出生，每逢自己要回到埔来国会选区办事时，自然就会回老家休息。

“每个早上，当地居民都会前来会见我，并向我告知他们所面对的问题，当中就包括了年久失修且还未发展的渔船码头课题。”

他说，法力也在逝世前就曾与自己讨论有关需要帮助当地居民的课题。

### 拨款到手立即宣布

沙拉胡丁指出，身为一名民选议员，又或是部长，就有要履行承诺的责任，这也并非仅限于在任何时期，包括补选时期。

当被问及为何要此时宣

布这笔拨款时，沙拉胡丁说，既然拨款已到手，又要等待何时去做出宣布。

“若有渔民从码头上跌落（海内），怎么办呢？”

他也挪揄纳吉，拥有要为人民发声的热情是一件好事。

他说，部长的责任就是长期宣布拨款、能令人民受惠的政策，而非等待特定时期。

沙拉胡丁也说，若刻意的宣布某一项计划，那就看起来是特别为补选而做的事项。

## 依斯迈抨希盟违诺“动用政府资源干预补选”

国会反对党领袖拿督斯里依斯迈沙比里不满希盟不守承诺，通过政府资源与拨款，干预即将举行的丹絨比艾补选。

他今日在国会走廊受访

时说，希盟早前表明不会使用政府资源，以防贿选情况，但却在此时宣布拨款 400 万令吉。

他质疑，为何希盟政府不在此前就当地的拨款事项

进行宣布。

他讽刺，此事已反映了，即使希盟宣言阐明选举自由且政府不能干预的承诺，但希盟政府依然违反这项宣言。

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/10/2019	HARIAN METRO	LOKAL	20

# Kehadiran Paus Orca tak ancam sumber perikanan

**Kuala Lumpur:** Kemunculan Paus Orca atau paus pembunuh tidak mengancam sumber perikanan negara, Dewan Rakyat diberitahu, semalam.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub berkata, migrasi spesies ini tidak kerap dan bukan dalam populasi signifikan.

Beliau berkata, Paus Orca adalah spesies terbesar dalam keluarga ikan lumba-lumba dan biasanya ditemui di kawasan dingin seperti Lautan Artik.

Katanya, paus spesies ini adalah pemangsa dalam

rangkaian pemakanan eko-sistem lautan dan kebiasaannya ia memburu dan memakan ikan, sotong dan burung laut.

“Paus Orca disenaraikan dalam spesies mamalia akuatik terancam dan dilindungi mengikut penguatkuasaan Seksyen 27, Akta Perikanan 1985.

“Seekor paus spesies ini pernah direkodkan mati terdampar di Sarawak pada 2013,” katanya ketika menjawab pertanyaan Ahmad Amzad Mohamed (PAS-Kuala Terengganu) berkenaan paus pembunuh itu.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/10/2019	HARIAN METRO	ONLINE	

## Orca tak ancam sumber perikanan



KEMUNCULAN paus pembunuh atau orca tidak mengancam sumber perikanan negara, Dewan Rakyat diberitahu hari ini. Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub berkata, ini kerana migrasi spesies ini tidak kerap dan bukan dalam populasi signifikan.

Beliau berkata, paus berkenaan adalah spesies terbesar dalam keluarga ikan lumba-lumba dan kebiasaannya ditemui di kawasan dingin seperti Lautan Artik.

Katanya, paus spesies ini adalah pemangsa dalam rantai pemakanan ekosistem lautan dan kebiasaannya memburu dan memakan ikan, sotong, penyu dan burung laut.

"Paus Orca disenaraikan dalam spesies mamalia akuatik terancam dan dilindungi bawah penguatkuasaan Seksyen 27, Akta Perikanan

1985.

"Seekor paus spesies ini pernah direkodkan mati terdampar di Sarawak pada 2013," katanya ketika menjawab pertanyaan Ahmad Amzad Mohamed (Pas-Kuala Terengganu) berkenaan paus pembunuh itu sama ada ia mengancam sumber perikanan negara.

Media melaporkan, sepasang paus pembunuh muncul berdekatan pelantar minyak Dulang, kira-kira 170 kilometer dari pantai Kerteh.

Salahuddin berkata, berdasarkan laporan Institut Penyelidikan Perikanan (FRI) Rantau Abang, spesies yang muncul di perairan Terengganu pada 16 Julai lalu itu, dikenal pasti daripada sub-spesies Paus Pilot Sirip Pendek.

"Spesies itu sentiasa bergerak dalam kumpulan populasi yang banyak antara 10 hingga 50 ekor dan dipercayai menjadikan Laut China Selatan sebagai laluan migrasi ekor musim sotong ketika itu," katanya.

Kepada soalan tambahan Ahmad Amzad berkaitan ketirisan sumber perikanan negara dan anggaran kerugian disebabkan ancaman pencerobohan nelayan asing, Salahuddin berkata, pihaknya telah mengambil tindakan tegas terhadap pencerobohan nelayan Vietnam dan kapal asing.

"Anggaran ketirisan, nilai yang hilang lebih kurang RM5 bilion setahun. Dengan itu kita mesti bertanggungjawab supaya aset ditingkatkan, penguatkuasaan ditingkatkan lagi," katanya.

Headline	Tobek Godang lokasi sesuai 'ngoca ikan'		
MediaTitle	Harian Metro (Melaka Negeri Sembilan)		
Date	22 Oct 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	9,582
Page No	22	Readership	28,746
Language	Malay	ArticleSize	171 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,039
Frequency	Daily	PR Value	RM 15,117



## Tobek Godang lokasi sesuai 'ngoca ikan'

**Jelebu:** Jabatan Perikanan Negeri Sembilan mengenal pasti tasik dekat Tobek Godang, Tanjung Ipoh, Kuala Pilah, lokasi sesuai sebagai estet ikan pertama di negeri ini bagi penganjuran pesta 'ngoca ikan'.

Ngoca adalah dialek Negeri Sembilan yang bermaksud menangkap ikan menggunakan peralatan seperti jala, tangguk atau penapis plastik.

Pengarah Perikanan negeri, Halimi Abu Hanip berkata, pihaknya sudah mengenal pasti tiga lokasi sesuai untuk dijadikan estet ikan membabitkan lombong dan tasik.

Katanya, ia membabitkan tasik di Universiti Teknologi MARA (UiTM) Seremban, paya lombong dekat Kampung Kuala Pah, Jelebu dan tasik di Tobek Godang, Kuala Pilah.

"Bagaimanapun dua kawasan iaitu di UiTM Seremban dan Kampung Kuala Pah tidak sesuai dijadikan lokasi pesta menangkap ikan berikutan air

sukar dikeringkan.

"Di Tobek Godang, ia sudah tidak aktif sejak 10 tahun lalu dan kami bekerjasama dengan penduduk kampung bagi menjadikannya sebagai estet ikan pertama di negeri ini," katanya ketika dihubungi.

Halimi berkata, tasik di Tobek Godang sesuai dijadikan aktiviti mengoca ikan berikutan keadaannya hampir sama seperti estet ikan yang ada di Lanchang, Pahang.

Sementara itu, Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) Jabatan Perikanan Malaysia, Datuk Dr Bah Piyau Tan berkata, menjadi hasrat kerajaan yang mahukan setiap negeri mempunyai sekurang-kurangnya satu estet ikan.

Katanya seperti di Pahang yang mempunyai estet ikan, ia membuktikan usaha berkenaan berhasil selepas Jabatan Perikanan berjaya mengadakan pesta menangkap ikan bersama komuniti.



KAWASAN paya di Tobek Godang Kuala Pilah akan dibangunkan semula sebagai estet ikan.

## Tumpukan reformasi Peladang, bukan mencanang kebencian

SAUDARA PENGARANG,

**P**INDAAN Perlembagaan Pertubuhan Peladang bermula Mei 2019 telah disalahkan oleh beberapa individu yang berkepentingan dalam Pertubuhan Peladang. Semalam, Ng Loi Teck telah mengeluarkan satu kenyataan berbau fitnah terhadap Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Salahuddin Ayub dan Pengerusi Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) dengan menyatakan "... pindaan itu hanya bermotifkan politik iaitu untuk memberi kuasa kepada Menteri Pertanian dan Asas Tani (MOA) Datuk Salahuddin Ayub untuk melantik orang-orangnya dari parti Amanah yang beliau terajuk untuk mengisi jawatan Ahli Jemaah Pengarah (AJP) di PPK, PPN dan Nafas".

Lebih teruk lagi, Pengerusi PPK Kinabalu, Datuk Haji Jaimin Samitah menyatakan dengan keras "Pak Menteri berlumba-lumba memperlihatkan siapa yang paling ramai dapat menempatkan orang-orang mereka di sesuatu agensi. Seolah-olah sekiranya lebih ramai penyokong-penyokongnya ditempatkan, lebih berkuasalah Pak Menteri itu".

Kenyataan ini adalah sangkaan jahat daripada mereka kerana tanpa melalui usul periksa dan kajian yang mendalam telah meleparkan tuduhan yang tidak berasas kepada YB Menteri, LPP dan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Selain itu, mereka juga mempersoalkan dan memperlekeh kredibiliti dan hak kuasa Menteri untuk meminda sebarang klausa dalam Perlembagaan Pertubuhan Peladang.

Seperti yang diketahui, Pindaan Perlembagaan ini dibuat bagi menambah lantikan Menteri dalam mana-mana PPK dan PPN. Sebenarnya, amalan lantikan Menteri ini telah termaktub di dalam Perlembagaan sejak era Barisan Nasional lagi. Lantikan Menteri telah berlaku sewaktu Datuk Ismail Sabri menjadi Men-

teri Pertanian dan Industri Asas Tani. Dan perkara ini diteruskan dalam era kerajaan Pakatan Harapan (PH).

Di setiap PPK, majoriti AJP adalah dipilih melalui Mesyuarat Agung iaitu seramai 7 orang. AJP lantikan Menteri hanya 5 orang. Tidak timbul isu AJP Lantikan Menteri menguasai PPK. AJP Lantikan Menteri pula berperanan menjadi 'check and balance' kepada AJP PPK. Hal ini kerana, AJP PPK sebelum ini telah melakukan banyak kesalahan dalam mengurus tadbir PPK.

Menyentuh mengenai PPN, PPN gagal memperjuangkan isu peladang dan tiada inisiatif membantu dan membangunkan ahli peladang di Sabah. PPN juga gagal bekerjasama dengan PPK di Sabah sehingga hanya satu dari 27 PPK di Sabah dikategorikan sebagai A.

AJP PPN juga tidak menghormati LPP sebagai Pendaftar apabila bertindak di luar bidang kuasa memecat Pengurus Besar PPN. Tindakan tersebut telah memalukan seorang kakitangan kerajaan dan LPP yang telah berkhidmat membantu pembangunan peladang di Sabah.

Malah, tindakan PPN menjemput beberapa orang penyanyi termasuk Hetty Koes Endang pada Makan Makan Peladang menyebabkan kos puluhan ribu ringgit dikeluarkan adalah pembaziran. Sepatutnya wang berkenaan digunakan untuk membangunkan peladang dan ppk.

Selain itu, kita kini berada di era Malaysia Baharu dengan kerajaan Pakatan Harapan-Warisan, UPKO, selepas UMNO dan BN tumbang pada PRU-14. Pastinya kerajaan berhadapan dengan cabaran memperkenalkan dasar kerajaan baharu dalam pentadbiran iaitu Reformasi Peladang. Maka, bagi mempercepatkan dan memastikan pelaksanaan Reformasi Peladang berjalan lancar, memerlukan individu yang berkelayakan dan memahami dasar kerajaan baru ini sehingga ke peringkat akar umbi. Maka, pelantikan

Menteri dibuat daripada sebesar-besarnya fungsi dalam Kementerian sehinggalah peringkat PPK bagi memastikan dasar baharu dapat difahami dan dilaksanakan.

Dalam pada itu, kami juga menafikan lantikan Menteri dibuat bagi semata-mata menempatkan anggota Parti AMANAH. Itu adalah tidak benar. Lantikan Menteri tidak dibuat berasaskan parti, tetapi berdasarkan kapasiti akademik, pengalaman, skill dan kebolehan dalam menguruskan sesebuah Pertubuhan, Syarikat atau Kopras. Bahkan ramai juga yang ditolak kerana tidak memenuhi kriteria yang ditetapkan.

Begitu juga dengan prestasi lantikan Menteri. Prestasi lantikan Menteri disemua peringkat bermula dengan PPK, PPN hingga ke BOD LPP dipantau terus oleh Menteri menerusi laporan bulanan Pengerusi LPP, Datuk Mazlan Aliman. Justeru, tidak timbul isu lantikan Menteri bertujuan menempatkan ahli parti, berlumba-lumba antara Menteri dan sebagainya. Yang ada hanyalah memastikan dasar dan hasrat kerajaan baru dalam bidang Perladangan dapat difahami hingga ke peringkat Unit Peladang.

Maka, adalah tidak wajar mana-mana individu melemparkan tuduhan jahat tanpa usul periksa. Saya juga menasihatkan Pengerusi PPK Pitas, Ng Loi Teck dan Pengerusi PPK Kinabalu, Haji Jaimin Samitah, menumpukan kepada pembangunan peladang diperingkat kawasan masing-masing. Lantikan Menteri di PPK sentiasa memberikan kerjasama kepada anda sekiranya mahu bersama-sama membangunkan PPK.

Lebih baik dilantik oleh Menteri melalui Pindaan Perlembagaan yang sah, daripada membeli undi Perwakilan untuk memastikan kemenangan berpuluh tahun dan nyata ia bercanggah dengan Perlembagaan Pertubuhan.

**KHAIRUDDINDAUD**  
Pengerusi Pertubuhan Peladang  
Kawasan Kudat

**TUMPUAN LENSA**



**PALING LARIS...** Pengusaha kuih Holland, Pak Su Mi, 50, berdekatan Masjid Bandar Baru Sungai Buloh melayan pelanggan yang menggemari kuihnya yang diperbuat daripada tepung dan bawang Holland. Foto: SYAFIQ ISKENDAR

# Belanjawan 2020 bukti keprihatinan kerajaan kepada rakyat bawahan

Oleh FAIZ FADZIL

**B**ELANJAWAN 2020 telah membuktikan komitmen kerajaan Pakatan Harapan (PH) dalam mencapai aspirasi Wawasan Kemakmuran Bersama menerusi inisiatif-inisiatif yang mengukuhkan taraf hidup rakyat daripada pelbagai latar belakang. Sektor pertanian, yang menjadi tulang belakang ekonomi luar bandar, telah diangkat sebagai satu daripada empat bidang fokus dalam Belanjawan 2020 untuk mencapai kepelbagaian ekonomi.

Setinggi penghargaan di atas peningkatan mendadak peruntukan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, sebanyak 10.9% kepada RM4.9 bilion untuk tahun 2020. Kerajaan juga memberikan perhatian tinggi kepada industri perikanan dengan peruntukan subsidi/insentif untuk tahun 2020 yang kebanyakannya telah ditambah berbanding 2019 termasuk Elaun Sara Hidup Nelayan sebanyak RM250 sebulan dengan peruntukan sebanyak RM152 juta, Insentif Hasil Tangkapan Nelayan sebanyak RM121.2 juta dan Elaun Sara Hidup Nelayan Darat sebanyak RM3.5 juta.

Kenaikan elaun sara hidup golongan nelayan daripada RM200 kepada RM250 sebulan adalah bukti keprihatinan kerajaan kepada rakyat bawahan. Nelayan adalah golongan pekerja yang begitu tersepit dan terpaksa berjuang dalam kehidupan ibarat kais makan pagi kais petang makan petang. Di samping itu, ada waktu mereka langsung tidak dapat turun ke laut jika cuaca begitu buruk. Oleh itu, kenaikan ini adalah hadiah istimewa buat nelayan. Diharapkan kenaikan elaun sara hidup ini dapat meringankan beban hidup nelayan dan harus dimanfaatkan sepenuhnya untuk meningkatkan mutu tangkapan ikan bagi memastikan penambahan bekalan ikan.

Belanjawan 2020 juga memberikan perhatian khusus buat golongan muda di mana peruntukan perbelanjaan pembangunan Kementerian Bella dan Sukan sahaja telah meningkat sebanyak RM107 juta atau lebih 28%. Peruntukan ini telah difokuskan untuk program dan inisiatif yang bermatlamat untuk mengasah bakat, melatih ketrampilan dan pembangunan sukan anak muda Malaysia.

Malah menerusi usaha unik #Graduan-Kerja di bawah Belanjawan 2020, graduan yang menerima tawaran kerja setelah menganggur melebihi 12 bulan akan menerima insentif RM500 sebulan di atas gaji yang diterima selama dua tahun. Manakala, inisiatif #PerantisKerja pula memberi elaun tambahan sebanyak RM100 sebulan untuk menggalakkan belia dalam Program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET).



Harapan golongan muda untuk memiliki hidup yang lebih baik dipertingkatkan di bawah Skim Pembiayaan "Rent to Own" yang akan menggalakkan pembelian rumah oleh anak muda, terutamanya pembeli rumah pertama. Institusi kewangan akan menyediakan RM10 bilion manakala kerajaan akan menjamin sebanyak RM3 bilion. Usaha kerajaan yang pelbagai terhadap pemilik perusahaan kecil dan sederhana turut akan mempunyai kesan positif kepada usahawan-usahawan muda.

Bagi usahawan Bumiputera pula, geran sebanyak RM445 juta disediakan untuk mengukuhkan akses kepada pembiayaan, penyediaan premis perniagaan dan



**Kenaikan elaun sara hidup golongan nelayan daripada RM200 kepada RM250 sebulan adalah bukti keprihatinan kerajaan kepada rakyat bawahan.**

latihan keusahawanan. Bukan itu sahaja, subsidi petrol RON95 juga telah diperluaskan kepada golongan berpendapatan sederhana, sepertimana yang telah saya utarakan pada 10 Oktober. Bagi meningkatkan ekonomi bumiputera, peruntukan sebanyak RM8 bilion turut diumumkan yang seharusnya dimanfaatkan golongan muda.

Apa yang menariknya dalam Belanjawan 2020 adalah tumpuan dan inisiatif khusus terhadap sektor ekonomi yang mampu merangsang perkembangan ekonomi seperti penyelidikan dan pembangunan, ekonomi hijau, pelancongan, pertanian, industri elektrik dan elektronik, pelabuhan dan ekonomi digital, antara lain. Meskipun ekonomi dunia semakin perlahan dan dihimpit oleh perang dagangan Amerika Syarikat dan China, langkah-langkah Belanjawan 2020 akan terus mengukuhkan ekonomi Malaysia, sepertimana pertumbuhan Malaysia pada tiga suku tahun yang lepas telah mengatasi jangkaan pakar.

Kadar defisit dijangka turun ke 3.2% pada tahun hadapan. Pengurangan peruntukan perbelanjaan mengurus pada tahun 2020 sebanyak RM21 bilion atau 8.1% berikutan pengurangan ketirisan dan pengurusan yang lebih efisien. Tetapi, pada masa yang sama, peruntukan

perbelanjaan pembangunan telah meningkat RM2.3 bilion atau 4.3% di mana jumlah ini akan mengukuhkan ekonomi rakyat walaupun pertumbuhan ekonomi global yang semakin perlahan.

Secara keseluruhannya, Belanjawan 2020 telah berjaya memperkenalkan inisiatif-inisiatif pengukuhan ekonomi yang konstruktif tanpa mengabaikan keadaan kewangan kerajaan. Belanjawan ini turut menerima pujian daripada Bank Dunia yang menyifatkannya belanjawan berhemah dan seimbang serta memenuhi keperluan dan pengekaln kemampuan fiskal.

Belanjawan 2020 diyakini meningkatkan keyakinan rakyat kepada kerajaan PH kerana ia merangkumi kepentingan rakyat dalam semua bidang dan segmen. Sepertimana kata-kata Presiden ketujuh Amerika Syarikat yang dikenali sebagai "people's president" iaitu Andrew Jackson menyebut, "as long as our government administered for the good of the people, and is regulated by their will, as long as it secures to us the rights of persons and property, liberty of conscience, and of the press, it will be worth defending."

■ Faiz Fadzil adalah Pengerusi LKIM dan Adun Permatang Pasir.

# Osman Sopian denies being candidate in Tanjung Piai by-election

**JOHOR BARU:** Former Johor menteri besar Datuk Osman Sopian has denied that he is Parti Pribumi Bersatu Malaysia candidate for the Tanjung Piai by-election.

The Kempas assemblyman refuted such claims after pictures of him with congratulatory words went viral on social media.

Osman, from Kampung Kayu Ara Pasong in Pontian, said he did not know anything about the claims.

"People have been calling me on

my phone since the morning and congratulating me for my 'candidacy'," he said here yesterday.

He claimed that he did not receive any notification from Bersatu about him becoming their candidate.

"It is normal for my name to be part of gossip and I believe some are playing this issue up after Bersatu head Tan Sri Muhyiddin Yassin made a statement about the party's choice of candidate.

"The candidate must be someone

who has vast experience in politics, and if we look around, they are trying to connect it with me," he added.

Osman said it was up to Bersatu's party leadership to decide on the candidate, adding that he would give his full support to make sure the parliamentary seat belongs to Pakatan Harapan.

Pakatan reportedly shortlisted several candidates for the polls.

Pakatan is expected to reveal their candidate for the by-election

on Oct 30 at Dataran Pontian.

The Tanjung Piai seat fell vacant after the death of its MP Datuk Dr Md Farid Md Rafik.

In Kuala Lumpur, Agriculture and Agro-based Industries Minister Datuk Seri Salahuddin Ayub defended his decision to announce an allocation to upgrade three fishing jetties in Tanjung Piai.

"As a minister, I can make such announcements that I think will make the rakyat happy," he told

reporters at the Parliament lobby. He was asked to explain his decision to announce the project close to the Tanjung Piai by-election.

"What if the fishermen fall down from the dilapidated jetties?"

"The allocation approved it so I announced it. Why should I wait?"

Salahuddin said he was merely implementing what was pledged by Dr Md Farid as an MP and a Deputy Minister in the Prime Minister's Department.